



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Mahasiswi rugi RM38k ditipu 'inspektor'

Language: Malay

Publication/Portal: Harian Metro

Section: Lokal

Date: 22 January 2021

Page: 18

**Alor Setar:** Seorang penuntut universiti awam bukan saja menggunakan wang simpanan RM27,000 miliknya, malah mengambil wang ibunya berjumlah RM11,000 tanpa pengetahuan wanita itu untuk 'diserah' kepada sindiket Macau Scam selepas diperdaya terbabit dengan perubahan wang haram.

Mangsa yang juga perempuan berusia 22 tahun dan berasal dari Baling hanya menyedari diperdaya selepas melakukan belasan transaksi dengan jumlah kerugian RM38,000.

Terdahulu, mangsa yang masih bujang dihubungi le-

## ***Mahasiswi rugi RM38k ditipu 'inspektor'***

laki menyamar sebagai pegawai Pos Malaysia berhubung bungkusan mengandungi MyKad dan kad mesin juruwang automatik (ATM) didakwa dikirimnya dari Kedah ke Negeri Sembilan, 9 Januari lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri, Superintendan Elias Omar berkata, mangsa menafikan mempunyai maklumat berkaitan bungkusan itu namun dia diarahkan membuat laporan secara talian ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Seremban.

"Panggilan itu kemudiannya kononnya disambung kepada seorang lagi lelaki yang mengaku pegawai berpangkat inspektor.

"Seterusnya, suspek kedua itu mendakwa, pemeriksaan melalui MyKad mangsa mendapati mangsa kononnya terbabit dalam kes pengubahan wang haram," katanya, semalam.

Menurut beliau, mangsa

kemudiannya diarahkan memberikan nombor akaun miliknya serta butiran per-bankannya atas talian kononnya untuk siasatan.

"Mangsa turut memberikan nombor Kod Pengesahan Transaksi (TAC) sejujur mesej diterima untuk pindahan wang

RM27,000 secara berperingkat daripada akaun banknya ke akaun bank pi-

hak ketiga," katanya.

Elias berkata, suspek juga menyatakan waran tangkap sudah dikeluarkan dan bagi mengelakkan ditangkap, mangsa perlu membayar RM2,000 sehari selama enam hari.

Menurut beliau, mangsa kemudian membuat 11 pindahan dengan jumlah keseluruhan RM11,000 ke akaun Bank Islam 01014027644424 yang diberikan suspek.

"Keseluruhannya, mangsa kerugian RM38,000 dengan RM27,000 adalah wang sim-

panannya manakala RM11,000 milik ibunya," katanya.

Mangsa kemudiannya melaporkan kejadian di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Baling kelmarin.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksamaan kerana menipu.

"Masyarakat diingatkan supaya menyemak terlebih dahulu kesahihan maklumat diterima melalui <http://ccid.rmp.gov.my/se-makmule/> atau dapatkan maklumat berkaitan taktik jenayah komersil di <http://www.facebook.com/my/CyberCrimeAlertRMP/>," katanya.

**“  
Mangsa kerugian  
RM38,000 dengan  
RM27,000 adalah  
wang simpanan  
Elias**